

## FLEXI PAYMENT PLAN CNY'24 CAMPAIGN

Last updated on 22 February 2024

### CAMPAIGN PERIOD

The Hong Leong Bank Berhad's (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") **Flexi Payment Plan CNY'24 Campaign** ("**Campaign**") commences on **01 February 2024** at 00:00:00 hours (12:00 a.m.) and ends on **29 February 2024** at 23:59:59 hours (11:59 p.m.), inclusive of both dates ("**Campaign Period**"), unless specified herein or notified otherwise.

### TERMS & CONDITIONS

The following sets out the terms and conditions applicable to the Campaign ("**T&Cs**"):

### CAMPAIGN ELIGIBILITY

1. The Campaign is open to all new and existing principal cardholders of HLB credit cards ("**Credit Card**") of the following criteria ("**Eligible Cardholders**"):
  - (a) who have performed the Eligible Retail Transactions (as set out under Clause 6(b) below) with an accumulated amount of Ringgit Malaysia Five Hundred (RM500) and above during the Campaign Period;
  - (b) who have submitted the Flexi Payment Plan ("**FPP**") application after two (2) working days of completing the Eligible Retail Transactions; and
  - (c) whose Credit Card accounts are in good standing and/or not in delinquent.

New principal cardholders refer to those who do not have any Credit Card with HLB prior to the Campaign Period.

2. The following shall NOT be eligible for the Campaign:
  - (a) HLB cardholders whose Credit Cards are not issued in Malaysia;
  - (b) HLB cardholders whose Credit Card accounts are inactive, or who are in breach of any T&Cs at any time during the Campaign Period;
  - (c) HLB cardholders whose Credit Cards are invalid or cancelled at any time during the Campaign Period;
  - (d) HLB cardholders who have committed or are suspected of committing any fraudulent, unlawful or wrongful acts in relation to any of the facilities granted by HLB or Hong Leong Islamic Bank Berhad (20050109144 (686191-W)) ("**HLISB**"); or
  - (e) HLB cardholders who have been declared bankrupt (pursuant to a petition by either banks or by any third party) or are subject to any bankruptcy proceedings at any time prior to, during or after the Campaign Period.

### CAMPAIGN MECHANICS & PARTICIPATION CRITERIA

3. The options available for the FPP are set out in Table 1 below based on the respective "**FPP Tenure**", "**Minimum FPP Amount**", FPP flat interest rate ("**FPP Interest Rate**") and FPP effective interest rate ("**FPP EIR**").

**Table 1**

Option	FPP Tenure	Minimum FPP Amount	FPP Interest Rate	FPP EIR
Option 1	3 months	RM500	0.88% p.a.	1.32% p.a.
Option 2	6 months	RM500	2.18% p.a.	3.73% p.a.
Option 3	12 months	RM500	3.18% p.a.	5.82% p.a.
Option 4	18 months	RM500	3.88% p.a.	7.23% p.a.

4. The Eligible Cardholders can apply for the **FPP** based on the options given during the Campaign Period to convert their **Eligible Retail Transactions** (as defined under Clause 6 below) into instalment plans by selecting either the specific retail transaction ("**Flexi Payment X**") or consolidated retail transactions balance amount ("**Flexi Payment**") they wish to convert ("**FPP Amount**"), which must not be less than the Minimum FPP Amount and the preferred FPP Tenure as set out in Table 1 above and submit their applications via HLB Connect, HLB Branches, HLB Telemarketing Sales and/or HLB Direct Sales.
5. For the purpose of Flexi Payment X:
  - (a) Only selected Merchant Category Code ("**MCC**") as listed below are available for conversion via Flexi Payment X:

Spend Category	Merchant Category Code (MCC)
Travel and Entertainment	3000 – 3838
Transportation Services	4511 – 4722
Retail Outlet Services	5200 – 5681
Miscellaneous Stores	5691 – 5735, 5921 – 5999, 7011 – 7299
Business Services	7512 – 7631
Professional Services	8011 – 8299

6. For the purpose of the FPP application:
  - (a) The Eligible Retail Transactions must not have passed its payment due date at the point of the FPP conversion and Eligible Cardholders must not make any payment before applying for the FPP.
  - (b) FPP is applicable to all Eligible Retail Transactions which:
    - (i) have been posted to the Eligible Cardholders' Credit Card account; and/or
    - (ii) billed to the respective Credit Card monthly statement.
 (hereinafter referred to as the "**Eligible Retail Transactions**").

Eligible Retail Transactions shall exclude the following:

- (i) instalments amount payable under other HLB Credit Card programme, such as Balance Transfer, Extended Payment Plan, Quick Cash, etc.;
- (ii) cash advance and card forward balance;
- (iii) any retail spend by recurring payment or auto-billing;
- (iv) refunded, disputed, unsuccessful, reversed, unauthorised, fraudulent or unlawful transactions; and
- (v) any form of services or miscellaneous fees, including finance charges and fees such as credit card annual fee, late payment charges and government service tax imposed by HLB as indicated in the HLB's Cardholder Agreement.

For the avoidance of doubt, the Eligible Retail Transactions made by supplementary credit cardholders under the same principal credit cardholder's accounts will also be included in the computation of the Credit Cards eligibility for the FPP conversion.

7. HLB shall not be liable and responsible for any failure or delay in the submission and/or processing of the sales transactions by VISA, Mastercard International, Merchant establishments, or any party in which may result in the Eligible Cardholders being omitted from this Campaign.
8. The Eligible Cardholders shall not be entitled to any reward points or cash rebates for the FPP programme.
9. The Eligible Cardholders will be notified either via email and/or Short Message System ("**SMS**") and/or within thirty (30) days if via letter, based on the correspondence/email addresses and/or contact numbers captured in HLB's system once their applications have been approved

10. The amount approved by HLB pursuant to the Campaign shall be called “**FPP Approved Amount**”. The FPP Approved Amount is subject to the existing available prescribed card limit assigned to the Eligible Cardholders.
11. If HLB approves an Eligible Cardholder’s application, upon approval, the corresponding amount of the Eligible Cardholders’ existing available credit limit will be reduced to the extent of the FPP Approved Amount. The available credit limit will be progressively restored on a monthly basis when the Eligible Cardholders repay the FPP Monthly Instalment (defined under Clause 11) according to the FPP Tenure selected by the Eligible Cardholders as set out in Table 1 above. HLB shall not be liable for any Credit Card transactions rejected by merchants due to insufficient credit limit arising therefrom.
12. During the FPP Tenure, the Eligible Cardholders shall repay the FPP Approved Amount by way of equal monthly instalments (“**FPP Monthly Instalment**”) which will be billed to the Eligible Cardholders’ Credit Card account on a monthly basis until the FPP Tenure is completed. Neither the FPP Tenure nor the FPP Monthly Instalment may be changed and the FPP is non-transferable to any third party.
13. The **FPP Interest Amount** will be calculated based on the following formula:

$$\frac{FPP\ Approved\ Amount \times FPP\ Tenure \times FPP\ Interest\ Rate\ of\ the\ selected\ FPP\ Tenure}{12}$$

14. The **FPP Monthly Instalment** will be calculated based on the following formula and shall be billed to the Eligible Cardholders’ Credit Card account on a monthly basis until the FPP Tenure is completed.

$$\frac{FPP\ Approved\ Amount + FPP\ Interest\ Amount}{FPP\ Tenure}$$

#### **Illustration for FPP Monthly Instalment Calculation**

##### **Example 1**

Eligible Retail Transaction amount: Ringgit Malaysia Three Thousand (RM3,000)

FPP Tenure: Three (3) months

Corresponding FPP Interest Rate: 0.88% p.a.

Based on this example, the FPP Monthly Instalment payable over three (3) months will be Ringgit Malaysia One Thousand Two and Twenty Cents (RM1,002.20).

##### **Example 2**

Eligible Retail Transaction amount: Ringgit Malaysia Three Thousand (RM3,000)

FPP Tenure: Six (6) months

Corresponding FPP Interest Rate: 2.18% p.a.

Based on this example, the FPP Monthly Instalment payable over six (6) months will be Ringgit Malaysia Five Hundred Five and Forty Five Cents (RM505.45).

##### **Example 3**

Eligible Retail Transaction amount: Ringgit Malaysia Three Thousand (RM3,000)

FPP Tenure: Twelve (12) months

Corresponding FPP Interest Rate: 3.18% p.a.

Based on this example, the FPP Monthly Instalment payable over twelve (12) months will be Ringgit Malaysia Two Hundred Fifty-Seven and Ninety-Five Cents (RM257.95).

##### **Example 4**

Eligible Retail Transaction amount: Ringgit Malaysia Three Thousand (RM3,000)

FPP Tenure: Eighteen (18) months

Corresponding FPP Interest Rate: 3.88% p.a.

Based on this example, the FPP Monthly Instalment payable over eighteen (18) months will be

Ringgit Malaysia One Hundred Seventy-Six and Thirty-Seven Cents (RM176.37).

15. The Eligible Cardholders must pay the fixed FPP Monthly Instalment in full, which is part of to the monthly Minimum Payment as stated in the Credit Card monthly statement by the due date. **“Minimum Payment”** is defined as:
- (i) 5% of the Outstanding Balance in the Credit Card account billed to the respective Credit Card monthly statement in addition to the FPP Monthly Instalment payable; or
  - (ii) Ringgit Malaysia Fifty (RM50),
- whichever is higher.

For the avoidance of doubt, **“Outstanding Balance”** means the outstanding balance due including fees, accrued interest, finance charges and other charges.

16. If the Eligible Cardholders default in paying the Minimum Payment by the due date, an additional late payment fee of 1% will be charged on the Outstanding Balance and the FPP Monthly Instalment payable as reflected on the Credit Card monthly statement, subject to a minimum of Ringgit Malaysia Ten (RM10), or a maximum of Ringgit Malaysia One Hundred (RM100), whichever is higher.
17. Upon occurrence of any of the following events:
- (a) the Eligible Cardholders breach any of the T&Cs and/or the prevailing terms and conditions of the Cardholder Agreement;
  - (b) the Eligible Cardholders' Credit Card accounts are in default for ninety (90) days and above; and/or
  - (c) the Eligible Cardholders' Credit Card accounts are cancelled or terminated before the expiry of the FPP Tenure due to any reason whatsoever,

the Outstanding Balance of the FPP Approved Amount shall immediately become due and payable and the Eligible Cardholders shall forthwith settle the Outstanding Balance of the FPP Approved Amount. Otherwise, the Outstanding Balance of the FPP Approved Amount will be charged with an interest based on Tiered Pricing Structure shall be levied.

18. If the Eligible Cardholders intend to fully settle the Outstanding Balance of the FPP Approved Amount before the expiry of the FPP Tenure, one (1) month's prior notice must be given to HLB and the Eligible Cardholders shall continue to pay the FPP monthly instalment, until the settlement amount is billed to the Eligible Cardholders and reflected on the following month Credit Card statement.

## **GENERAL**

19. By participating in this Campaign, the Eligible Cardholders agree:
- (a) that they have read, understood and to be bound by the T&Cs herein and the general terms and conditions of the HLB's Cardholder Agreement available at HLB's website at [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (**“HLB's Website”**);
  - (b) that all records of transactions captured by HLB's system for the purpose of this Campaign are final;
  - (c) that HLB's decision on all matters relating to this Campaign shall be final, conclusive and binding on all the Eligible Cardholders;
  - (d) to access HLB's Website at regular intervals to view the T&Cs of this Campaign to ensure that they keep up-to-date with any changes or variations to the T&Cs; and
  - (e) to authorise HLB to disclose their personal data i.e. correspondence/email addresses and/or contact numbers to authorised 3rd party service provider, e.g. Compugraphic Media Sdn Bhd (200001002485 (505090-W)), Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) and/or DCATALYST Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)) as HLB deems fit for the purpose of sending letter, email and/or SMS for this Campaign.
20. HLB reserves the right to:

- (a) disqualify any Eligible Cardholders who have performed the Eligible Retail Transactions in a manner or pattern which HLB deems to be abnormal, irregular and/or is indicative of an attempt to obtain an unfair advantage over other Eligible Cardholders;
  - (b) forfeit and/or claw back the FPP where there is reversal of Eligible Retail Transactions, as applicable, or termination of the Credit Card during the Campaign Period and/or at the point of awarding the FPP Interest Rate or non-compliance to the T&Cs herein; and
  - (c) add, delete or amend the T&Cs contained herein, either wholly or in part, or to terminate the Campaign at any time, by way of posting on HLB's Website or in any other methods which HLB deems suitable with prior notice.
21. In addition to the terms stipulated above, Eligible Cardholders agree that general terms and conditions of the HLB's Cardholder Agreement shall be read together with the T&Cs herein as an entire agreement. In the event of any discrepancies between these T&Cs and general terms and conditions contained in the HLB's Cardholder Agreement, the specific T&Cs herein shall prevail to the extent of such discrepancies.
22. In the event of any discrepancies between these T&Cs herein as compared to the advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with this Campaign, the final T&Cs on HLB's Website shall prevail.
23. The T&Cs herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Eligible Cardholders agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

If you have any enquiries regarding these T&Cs, please email us at [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).

**KEMPEN PELAN PEMBAYARAN FLEXI CNY'24**

Dikemas kini pada 22 Februari 2024

**TEMPOH KEMPEN**

**Kempen Pelan Pembayaran Flexi CNY'24 ("Kempen")** Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") bermula pada **01 Februari 2024** jam 00:00:00 (12:00 tengah malam) dan berakhir pada **29 Februari 2024** pada 23:59:59 jam (11:59 malam), kedua-dua tarikh termasuk ("**Tempoh Kempen**"), melainkan diberitahu sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang berkenaan dengan Kempen ("**T&S**"):

**KELAYAKAN KEMPEN**

1. Kempen ini terbuka untuk semua pemegang kad prinsipal kad kredit HLB ("**Kad Kredit**") yang baru dan sedia ada dengan kriteria berikut ("**Pemegang Kad Layak**"):
  - (a) yang telah melakukan Jumlah Transaksi Runcit Layak (seperti yang dinyatakan dalam Klausula 6(b) di bawah) sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dan ke atas sepanjang Tempoh Kempen;
  - (b) yang telah memohon Pelan Pembayaran Flexi (Flexi Payment Plan) ("**FPP**") selepas dua (2) hari berkerja Jumlah Transaksi Runcit Layak dilakukan; dan
  - (c) yang Kad Kreditnya berada dalam keadaan baik dan/atau tidak lalai.

Pemegang Kad Principal Baru merujuk kepada mereka yang tidak memegang kad kredit HLB sebelum Tempoh Kempen.

2. Yang berikut TIDAK layak untuk Kempen:
  - (a) pemegang kad HLB yang Kad Kreditnya tidak dikeluarkan di Malaysia;
  - (b) pemegang kad HLB yang akaun Kad Kreditnya tidak aktif, atau yang melanggar mana-mana T&S pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen;
  - (c) pemegang kad HLB yang Kad Kreditnya tidak sah atau dibatalkan pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen;
  - (d) pemegang kad HLB yang telah melakukan atau disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (20050109144 (686191-W)) ("**HLISB**"), atau
  - (e) pemegang kad HLB yang telah diisytiharkan muflis (berdasarkan petisyen oleh mana-mana bank atau oleh pihak ketiga) atau dikenakan sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, selama atau selepas Tempoh Kempen.

**MEKANIK KEMPEN & KRITERIA PENYERTAAN**

3. Pilihan yang tersedia untuk FPP dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah berdasarkan "**Tempoh FPP**", "**Jumlah Minimum FPP**", kadar faedah rata FPP ("**Kadar Faedah FPP**") dan kadar faedah efektif FPP ("**EIR FPP**") yang masing-masing.

**Jadual 1**

Pilihan	Tempoh FPP	Jumlah Minimum FPP	Kadar Faedah FPP	EIR FPP
Pilihan 1	3 bulan	RM500	0.88% setahun	1.32% setahun
Pilihan 2	6 bulan	RM500	2.18% setahun	3.73% setahun
Pilihan 3	12 bulan	RM500	3.18% setahun	5.82% setahun
Pilihan 4	18 bulan	RM500	3.88% setahun	7.23% setahun

4. Pemegang Kad Layak dapat memohon **FPP** berdasarkan pilihan yang diberikan sepanjang Tempoh Kempen untuk menukar jumlah **Transaksi Runcit Layak** (definisi di bawah Klausa 6) mereka kepada ansuran bulanan dengan memilih sama ada amaun baki transaksi khusus (*specific retail transaction*) ("**Flexi Payment X**") atau gabungan transaksi runcit (*consolidated retail transactions*) ("**Flexi Payment**") yang ingin mereka memohon ("**Jumlah FPP**") yang mana tidak boleh kurang daripada Jumlah Minimum FPP dan Tempoh FPP pilihan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas dan hantar permohonan mereka melalui Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect dan Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect ("**Hong Leong Connect**"), Cawangan HLB, Penjualan Telepemasaran HLB dan/atau Penjualan Langsung HLB.
5. Untuk tujuan permohonan Flexi Payment X:
- (a) Hanya Kod Kategori Pedagang tertentu yang disenaraikan di bawah layak untuk permohonan FPP:

Kategori Perbelanjaan	Kod Kategori Pedagang (MCC)
Perjalanan dan Hiburan	3000 – 3838
Perkhidmatan Pengangkutan	4511 – 4722
Perkhidmatan Kedai Runcit	5200 – 5681
Pelbagai Kedai	5691 – 5735, 5921 – 5999, 7011 – 7299
Perkhidmatan Perniagaan	7512 – 7631
Perkhidmatan Profesional	8011 – 8299

6. Untuk tujuan Kempen:
- (a) Transaksi Runcit Layak tidak boleh melepasi tarikh pembayaran pada saat penukaran FPP dan Pemegang Kad Layak tidak boleh membuat pembayaran sebelum memohon FPP.
- (b) FPP terbuka untuk semua Transaksi Runcit Layak yang:
- telah diposkan ke akaun kad kredit Pemegang Kad Layak dan/atau
  - dibilkan ke dalam penyata bulanan Kad Kredit masing-masing
- (selepas ini dirujuk sebagai "**Transaksi Runcit Layak**").

Transaksi Runcit Layak hendaklah mengecualikan yang berikut:

- jumlah ansuran yang perlu dibayar di bawah program HLB lain seperti Pindahan Baki (Balance Transfer), Extended Payment Plan, Quick Cash dan lain-lain;
- pendahuluan tunai dan baki hadapan kad;
- sebarang perbelanjaan runcit dengan pembayaran berulang atau bil automatic;
- transaksi yang dibayar balik, dipertikaian, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, penipuan atau menyalahi undang-undang; dan
- sebarang bentuk perkhidmatan atau bayaran lain-lain, termasuk caj kewangan dan yuran seperti yuran tahunan kad kredit, caj pembayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan yang dikenakan oleh HLB seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB.

Untuk mengelakkan keraguan, Transaksi Runcit Layak dibuat oleh pemegang kad kredit tambahan di bawah pemegang kad kredit utama yang sama juga akan dimasukkan dalam pengiraan kelayakan Kad Kredit untuk penukaran FPP.

7. HLB tidaklah dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan transaksi jualan oleh VISA, Mastercard International, penubuhan Peniaga, atau mana-mana pihak yang boleh menyebabkan Pemegang Kad Layak tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
8. Pemegang Kad Layak tidak berhak mendapat mata ganjaran atau rebat tunai untuk permohonan FPP.

9. Pemegang Kad Layak akan diberitahu melalui e-mel dan/atau khidmat pesanan ringkas (“**SMS**”) dan/atau dalam tiga puluh (30) hari jika melalui surat, berdasarkan alamat/e-mel dan/atau nombor hubungan yang didaftarkan dalam system HLB setelah permohonan mereka diluluskan.
10. Jumlah yang diluluskan oleh HLB berdasarkan Kempen adalah “**Jumlah FPP Diluluskan**”. Jumlah FPP Diluluskan adalah tertakluk kepada had kad yang sedia ada dan diberikan kepada Pemegang Kad Layak.
11. Apabila HLB meluluskan permohonan Pemegang Kad Layak, setelah mendapat kelulusan, jumlah baki dari had kredit Pemegang Kad Layak akan dikurangkan sehingga Jumlah FPP Diluluskan. Had kredit yang tersedia akan dipulihkan secara progresif setiap bulan apabila Pemegang Kad Layak membayar ansuran Bulanan FPP (ditakrifkan di bawah Klausa 11) menurut Tempoh FPP yang dipilih oleh Pemegang Kad Layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas. HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang transaksi Kad Kredit yang ditolak oleh peniaga kerana had kredit tidak mencukupi yang timbul daripadanya.
12. Semasa Tempoh FPP, Pemegang Kad Layak mesti membayar Jumlah FPP Diluluskan dengan cara ansuran bulanan yang sama (“**Ansuran Bulanan FPP**”) yang ditetapkan dalam akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak setiap bulan sehingga Tempoh FPP selesai. Tempoh FPP dan Ansuran Bulanan FPP tidak boleh diubah dan FPP tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga.
13. **Jumlah Faedah FPP** dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah FPP Diluluskan} \times \text{Tempoh FPP} \times \text{Kadar Faedah FPP untuk tempoh FPP terpilih}}{12}$$

14. **Ansuran Bulanan FPP** dikira berdasarkan formula yang disediakan di bawah dan akan dibilkan ke akaun kad kredit Pemegang Kad Layak setiap bulan sehingga tempoh ansuran bulanan FPP tamat.

$$\frac{\text{Jumlah FPP Diluluskan} + \text{Jumlah Faedah FPP}}{\text{Tempoh FPP}}$$

### **Ilustrasi Contoh Pengiraan Ansuran Bulanan FPP**

#### **Contoh 1**

Jumlah Transaksi Runcit Layak: Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)

Tempoh FPP: Tiga (3) bulan

Kadar Faedah FPP yang sepadan: 0.88% setahun

Berdasarkan contoh ini, Ansuran Bulanan FPP yang akan dibayar selama tiga (3) bulan adalah Ringgit Malaysia Seribu Dua dan Dua Puluh Sen (RM1,002.20).

#### **Contoh 2**

Jumlah Transaksi Runcit Layak: Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)

Tempoh FPP: Enam (6) bulan

Kadar Faedah FPP yang sepadan: 2.18% setahun

Berdasarkan contoh ini, Ansuran Bulanan FPP yang akan dibayar selama enam (6) bulan adalah Ringgit Malaysia Lima Ratus Lima dan Empat Puluh Lima Sen (RM505.45).

#### **Contoh 3**

Jumlah Transaksi Runcit Layak: Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)

Tempoh FPP: Dua belas (12) bulan

Kadar Faedah FPP yang sepadan: 3.18% setahun

Berdasarkan contoh ini, Ansuran Bulanan FPP yang akan dibayar selama dua belas (12) bulan adalah Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Tujuh dan Sembilan Puluh Lima Sen (RM257.95).



**Contoh 4**

Jumlah Transaksi Runcit Layak: Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)

Tempoh FPP: Lapan belas (18) bulan

Kadar Faedah FPP yang sepadan: 3.88% setahun

Berdasarkan contoh ini, Ansuran Bulanan FPP yang akan dibayar selama lapan belas (18) bulan adalah Ringgit Malaysia Seratus Tujuh Puluh Enam dan Tiga Puluh Tujuh Sen (RM176.37).

15. Pemegang Kad Layak mesti membayar ansuran Bulanan FPP tetap sepenuhnya, yang mana adalah sebahagian daripada Pembayaran Minimum bulanan seperti yang dinyatakan dalam penyata bulanan Kad Kredit sebelum tarikh akhir pembayaran. **"Pembayaran Minimum"** ditakrifkan sebagai:
- 5% dari Baki Tertunggak Kad Kredit yang dibilkan ke dalam penyata bulanan Kad Kredit masing-masing ditambah dengan Ansuran Bulanan FPP yang perlu dibayar; atau
  - Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50), mana-mana yang lebih tinggi.

Untuk mengelakkan keraguan, **"Baki Tertunggak"** bermaksud baki yang belum dijelaskan termasuk yuran, faedah terakru, caj kewangan dan caj-caj lain.

16. Sekiranya Pemegang Kad Layak gagal membayar Pembayaran Minimum mengikut tarikh akhir pembayaran, bayaran lewat tambahan sebanyak 1% akan dikenakan pada Baki Tertunggak dan Ansuran Bulanan FPP yang perlu dibayar seperti yang tertera pada penyata bulanan Kad Kredit, tertakluk pada minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), atau maksimum Ringgit Malaysia Seratus (RM100), mana-mana yang lebih tinggi.
17. Sekiranya berlaku salah satu daripada berikut:
- Pemegang Kad Layak melanggar mana-mana T&S dan/atau terma and syarat Perjanjian Pemegang Kad HLB;
  - akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak ingkar selama sembilan puluh (90) hari ke atas; dan/atau
  - akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak dibatalkan atau ditamatkan sebelum tamat Tempoh FPP kerana alasan apa pun,

Baki Tertunggak Jumlah FPP Diluluskan akan segera dicajkan dan perlu dibayar dan Pemegang Kad Layak perlu menjelaskan semua Baki Tertunggak Jumlah FPP Diluluskan. Jika tidak, Baki Tertunggak FPP yang diluluskan akan dikenakan faedah berdasarkan Struktur Harga Mengikut Kumpulan.

18. Sekiranya Pemegang Kad Layak ingin menyelesaikan Baki Tertunggak Jumlah FPP Diluluskan sebelum tamat Tempoh FPP, pemberitahuan terlebih dahulu satu (1) bulan harus diberikan kepada HLB dan Pemegang Kad Layak perlu membayar ansuran bulanan FPP sehingga jumlah penyelesaian ditetapkan kepada Pemegang Kad Layak dan ditunjukkan dalam penyata Kad Kredit bulan berikutnya.

**AM**

19. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak bersetuju:
- bahawa mereka telah membaca, memahami dan terikat dengan T&S di sini serta terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB yang terdapat di Laman Web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("**Laman Web HLB**");
  - bahawa semua rekod transaksi yang dirakam oleh sistem HLB untuk tujuan Kempen ini adalah muktamad;
  - bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pemegang Kad Layak;
  - untuk mengakses Laman Web HLB secara berkala untuk melihat T&S berkenaan dengan Kempen ini untuk memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti perkembangan atau perubahan pada T&S; dan
  - untuk memberi kuasa kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu alamat

surat-menyurat/e-mel dan/atau nombor hubungan kepada vendor pihak ketiga yang diberi kuasa, contohnya Compugraphic Media Sdn Bhd (200001002485 (505090-W)), Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCATALYST Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)) sebagaimana yang dianggap sesuai oleh HLB untuk tujuan menghantar surat, e-mel dan/atau SMS untuk tujuan Kempen ini.

20. HLB berhak untuk:
  - (a) membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Transaksi Runcit Layak dengan cara atau corak yang dianggap oleh HLB tidak normal, tidak teratur dan/atau menunjukkan percubaan untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil daripada Pemegang Kad Layak yang lain;
  - (b) membatalkan dan/atau menarik balik FPP apabila terdapat pembalikan Transaksi Runcit Layak, sebagaimana yang berlaku, atau penamatan Kad Kredit selama Tempoh Kempen dan/atau pada saat pemberian Kadar Faedah FPP atau ketidakpatuhan kepada T&S ini; dan
  - (c) menambah, memadam atau mengubah T&S di sini, sepenuhnya atau sebahagian, atau untuk menghentikan Kempen ini, dengan cara mengepos di Laman Web HLB atau dengan kaedah lain yang dianggap praktikal oleh HLB untuk memberi notis terlebih dahulu.
21. Selain terma yang dinyatakan di atas ini, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama dengan T&S di sini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Apa-apa percanggahan antara T&S ini dengan terma dan syarat am yang terkandung dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB, maka T&S Khusus ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
22. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau berhubungan dengan Kempen ini, maka T&S muktamad dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.
23. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, sila e-mel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).